

## MASYARAKAT PRASEJARAH DAN PERKAITANNYA DENGAN MASYARAKAT PRIBUMI SEMENANJUNG MALAYSIA

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman

Penduduk asal Semenanjung Malaysia dari perspektif ethnolinguistik dapat dibahagikan kepada dua kelompok yang umum iaitu Melayu dan Asli mengikut sesetengah sarjana ethnolinguistik. Secara terperincinya masyarakat Asli itu pula dapat dibahagikan kepada kelompok-kelompok yang lebih kecil lagi. Umpamanya, Skeat dan Blagden (1906)<sup>1</sup> membahagikan orang-orang Asli itu kepada: Negrito (Semang), Senoi (Sakai) dan Melayu Asli (Jakun), sementara itu F.E. Sarasin (1905)<sup>2</sup> membahagikan orang-orang Melayu kepada Proto-Melayu dan Deutero-Melayu (Orang Melayu Islam). Dalam kertaskerjanya yang berjudul "Cultural and Biological Differentiation in Peninsular Malaysia: The last 10,000 years" Peter Bellwood<sup>3</sup> telah membahagikan penduduk asal Semenanjung Malaysia kepada 4 kumpulan. Kumpulan-kumpulan itu ialah Orang Asli Utara/Negrito (Semang) yang hidup dengan cara memungut hasil hutan; kumpulan Asli Tengah dan Selatan/Senoi hidup berpindah randah dan mengamal pertanian primitif dan memungut hasil hutan untuk dijual; orang-orang Malayic/Mongoloid Selatan hidup sebagai petani dan masih berpindah randah dan akhir sekali orang-orang Melayu/Mongoloid Selatan iaitu petani tradisional yang menggunakan taliair dan mereka itu menganut agama Islam. Pembahagian itu menunjukkan bahawa penduduk asal itu terdiri daripada Orang Melayu dan Orang Asli. Namun begitu, walaupun mereka itu penduduk asal mereka itu juga datang dari luar dan berpindah ke Semenanjung secara berperingkat-peringkat. Perpindahan itu berlaku sejak zaman prasejarah iaitu dengan kedatangan orang-orang berbahasa Austronesia yang membawa kebudayaan Neolitik ke Semenanjung. Kepada Bellwood tidak ada pertalian darah di antara orang-orang yang lebih awal mendiami Semenanjung iaitu orang-orang berkebudayaan "Hoabinh" dengan orang-orang Neolitik itu.

Kalau ditinjau kepada pembahagian yang dibuat oleh Peter Bellwood itu nampaklah ianya masih terikat kepada pembahagian Skeat dan Blagden tetapi dengan sedikit modifikasi kerana dikait kepada ekonomi masyarakat. Ianya masih mencerminkan teori

migrasi mengikut gelombang-gelombang di zaman-zaman tertentu dalam zaman prasejarah, protosejarah dan sejarah. Konsep orang Asli Utara, Tengah dan Selatan pernah diguna oleh G. Benjamin<sup>4</sup> untuk membezakan di antara kelompok orang-orang Asli. Konsep penduduk asal itu terbahagi kepada orang-orang yang masih banyak menggunakan bahasa Asli dan orang-orang yang telah banyak menerima perubahan dalam hal bahasa iaitu orang-orang Melayu. Kepada Benjamin ada dua masyarakat yang asal, atau dalam istilah kita hari ini pribumi, iaitu mereka yang berbahasa Melayu dan yang berbahasa Asli. Tetapi kenapa wujud perbezaan itu? Kepadanya bukan kerana migrasi sepenuhnya di zaman prasejarah tetapi kerana perubahan melalui proses dalaman yang ada kaitannya dengan kedatangan pengaruh luar. Orang-orang Asli itu khususnya di utara lebih dekat bahasanya kepada bahasa Austro-asiatik dan orang-orang Melayu lebih dekat kepada dialek bahasa Austronesia. Perubahan kepada dialek bahasa itu mungkin kerana interaksi antara masyarakat di rantau dunia Melayu iaitu kawasan yang merangkumi Malagasi, kepulauan Pasifik dan Asia Tenggara dan bukan kerana berlaku migrasi yang besar mengikut gelombang-gelombang tertentu dari luar. Justeru itu wujud perkaitan darah di antara orang-orang di zaman prasejarah dengan orang-orang Asli dan juga orang-orang Melayu.

Ini jelas daripada kata-kata Benjamin itu:

Given that the Malays and most of the orang Asli are now both generally recognised as falling within the same, southern Mongoloid, division of mankind it would seem that there is no need to invoke the idea of separate migrational origins between the Malays and the Orang Asli or between one Orang Asli group and another – except that is when there is positive independent evidence that such migrational histories have indeed been responsible for certain of the differences.<sup>5</sup>

Beberapa orang ahli antropologi fizikal, ethnologi, arkeologi dan sejarah linguistik yang lain pernah juga mengemukakan pendapat masing-masing tentang asal usul budaya dan aspek-aspek biologikal yang menyebabkan wujudnya perbezaan di kalangan penduduk asal Semenanjung Malaysia.<sup>6</sup> Soal asal usul itu telah menarik minat berbagai golongan sarjana itu sejak hampir satu abad. Pendapat-pendapat itu berkisar di sekitar pendapat yang tertua dan paling lama dipegang oleh penerimanya iaitu pendapat yang melihat bahawa pembentukan masyarakat di Semenanjung Malaysia adalah hasil daripada migrasi penduduk yang datang melalui gelombang-gelombangnya seperti yang digambarkan oleh P. E. Sarasin dalam tahun 1905 itu. Antara sarjana terawal yang mengguna teori itu memperkuatkannya ialah Heine-Geldern

serta pengikutnya dalam tahun 1932. Tetapi setelah dibahas pendapat itu maka lahir pula golongan yang melihat asal usul itu sebagai satu proses yang berterusan atau berlanjutan hasil daripada penyesuaian (*adaptation*) dan bukan kerana migrasi dan proses itu berlaku dalam Semenanjung Malaysia sendiri.<sup>8</sup> Disamping itu ada pula pendapat ketiga yang melihat asal usul itu sebagai akibat daripada migrasi dan juga proses penyesuaian iaitu campuran daripada pendapat pertama dengan pandapat kedua.

Esei ini cuba menilai semula pendapat-pendapat itu kerana wujud data terbaharu hasil daripada penyelidikan arkeologi dan linguistik serta juga atas kesedaran bahawa hipotesis-hipotesis yang dibuat oleh sarjana-sarjana Barat di masa-masa yang lepas tidak semestinya terasas di atas penilaian yang objektif. Di samping itu kita juga sebagai pengkaji tempatan mestilah berfikir semasaki-masaknya sebelum menerima satu-satu hipotesis. Kita harus menilai semula, dan kita juga harus menghindar daripada anggapan bahawa hasil daripada pemikiran semula oleh pengkaji-pengkaji tempatan itu selalunya rendah mutunya dan tidak patut diketengahkan. Ini adalah penting kerana pembentukan hipotesis-hipotesis oleh sarjana-sarjana Barat mungkin juga dipengaruhi oleh pendapat-pendapat popular yang berkembang dalam masyarakat ketika itu. Umpamanya dalam hal asal usul penduduk di Semenanjung Malaysia ini menampakkan sesetengah sarjana-sarjana Barat terikat dengan ideologi kolonialisme.<sup>9</sup> Oleh hal yang demikian hipotesis-hipotesis yang dikemukakan itu juga mungkin berbentuk ideologikal.

Penilaian terhadap asal usul pribumi Semenanjung Malaysia perlu dibuat dan ditegaskan semula memandang kepada keadaan di mana ramai cerdik pandai kita yang masih menggunakan hipotesis-hipotesis yang kekuatannya telah dilumpuhkan oleh data-data baharu daripada penyelidikan terhadap perkembangan bahasa dan arkeologi. Pegangan cerdik pandai itu dapat dilihat dalam tulisan atau perbincangan samada dalam seminar atau dalam kuliah kerana mereka itu tidak peka kepada perkembangan-perkembangan terbaharu yang berlaku dalam disiplin-disiplin yang berkaitan dengan bidang yang mereka kaji atau ajar yakni mereka itu tidak merujuk kepada ide baru yang lahir dalam arkeologi atau ethno-linguistik. Oleh hal yang demikian apabila membicara tentang asal usul orang-orang Melayu mereka akan mengguna teori migrasi yang melihat orang-orang Melayu sebagai kaum pendatang yang berpindah ke Semenanjung mengikut gelombang-gelombangnya. Mereka masih mengguna konsep proto-Melayu dan Deutero-Melayu. Mungkin juga hal ini berlaku kerana untuk memahami isu yang dibangkitkan dalam esei ini maka seseorang itu harus merujuk kepada kajian-

kajian yang dibuat oleh sarjana daripada pelbagai bidang seperti fizikal-antropologi, ethnologi, arkeologi dan sejarah linguistik iaitu kawasan yang merangkumi bidang kajian yang luas yang mereka tidak mampu menerokainya. Justeru itu mereka masih terikat kepada teori-teori yang telah lama ditenggelamkan.

Berbalik semula kepada tiga pendapat yang diusulkan oleh sarjana-sarjana Barat tentang asal usul masyarakat pribumi yang melahirkan perbezaan budaya dan biologikal, kita boleh memecahkan pendapat-pendapat itu kepada kumpulan pendapat yang lebih kecil kerana sarjana-sarjana yang berpegang kepada teori migrasi penduduk itu tidak sepandapat tentang tempat asal penghijrah itu. Heine-Geldern mengatakan bahawa orang-orang Melayu-Austronesia berpindah melalui tanah besar Asia Tenggara ke Malaysia dan seterusnya ke Indonesia iaitu dari barat negeri China, sementara itu Solheim pula berpendapat bahawa bahasa Austronesia itu berasal daripada pedagang-pedagang di laut yang bergerak di bahagian timur Indonesia dan berkembang kemudiannya ke pantai selatan China dan akhirnya balik semula ke Nusantara melalui penduduk Cam dan Melayu.<sup>10</sup> Ramai daripada mereka itu berpendapat bahawa asal usul bahasa Austronesia yang mana bahasa Melayu adalah salah satu daripada dialeknya itu adalah dari Taiwan atau kawasan berhampiran dengannya. Tetapi Peter Bellwood<sup>11</sup> berpendapat bahawa orang-orang berbahasa Austronesia itu termasuk orang-orang Melayu berpindah melalui arah yang bertentangan dengan arah yang dicadangkan oleh Heine Geldern. Pada pendapat beliau perpindahan itu berlaku dari selatan ke utara.

Pendapat-pendapat yang berbeza itu lahir daripada usaha untuk memberi tafsiran kepada data arkeologi dan juga kepada persoalan asal usul penduduk yang menggunakan bahasa Austronesia. Ini disebabkan oleh keadaan di mana hampir keseluruhan kawasan Kepulauan Melayu sehingga ke Malagasi dan Kepulauan Pasifik penduduknya sedikit sebanyak menggunakan bahasa Austronesia. Ramai daripada pengkaji sejarah linguistik serta juga ahli-ahli antropologi cuba memberi pendapat mereka tentang asal-usul bahasa itu. Apakah yang dimaksudkan dengan bahasa Austronesia itu? Cara untuk menentukan samada sesuatu bahasa itu termasuk dalam bahasa Austronesia atau tidak ialah kalau 70% atau lebih daripada perkataan dalam sesuatu bahasa itu mengandungi bahasa Austronesia maka ianya dikira sebagai tergulung dalam bahasa Austronesia.<sup>12</sup> Di Kepulauan Melayu, Malagasi dan Kepulauan Pasifik terdapat diantara 500 ke 700 dialek Austronesia.<sup>13</sup> Penduduk pribumi Semenanjung Malaysia dapat dibahagikan secara umum-

nya mengikut Peter Bellwood kepada mereka yang menggunakan bahasa-bahasa Asli yang ada kaitannya dengan bahasa-bahasa Mon-Kemboja dan bahasa-bahasa Melayu yang berkaitan dengan bahasa-bahasa Austronesia.<sup>14</sup> Bahasa-bahasa Asli itu pula telah dibahagikan oleh Benjamin kepada bahasa Asli utara, tengah dan selatan. Orang-orang Semang (Negrito) yang hidup berpindah randah dan memungut hasil hutan menggunakan bahasa Asli utara, sementara orang-orang Senoi bercakap dalam bahasa-bahasa Asli tengah dan selatan, dan orang-orang Melayu berbahasa dialek Austronesia.

Sebelum tahun 1970an kebanyakan ahli bahasa dan antropologi tidak mempercayai bahawa satu-satu bahasa di Asia Tenggara itu berasal dari kawasan itu sendiri dan bukan dari tempat lain. Oleh hal yang demikian, mereka harus menentukan tempat asal bahasa itu dan sekaligus menentukan asal usul penduduk yang bertutur dalam bahasa itu. Sepertimana yang disebutkan pada awal-awal eseи ini iaitu pemikiran mereka itu berbau ideologi dan pandangan mereka bersikap penjajah. Hal ini tidak menghairankan kerana pendekatan yang sama telah diguna oleh mereka yang telah mengkaji tentang proses pengindian di Asia Tenggara. Mereka telah melihatnya dari kaca mata yang sama dan melihat Asia Tenggara sebagai sebahagian dari India dengan konsep *Greater India* (India Raya).<sup>15</sup> Namun begitu sarjana-sarjana yang bersikap objektif dan dengan menggunakan kaedah yang teliti dan saintifik telah berjaya menunjukkan kepada golongan itu bahawa proses pengindian melalui migrasi penduduk atau penaklukan tidak tepat kerana kajian keatas data arkeologi dan bahasa menunjukkan keadaan seumpama itu memang tidak mungkin wujud.<sup>16</sup> Tetapi isu asal usul penduduk Semenanjung Malaysia di zaman prasejarah sehingga hari ini menimbulkan perbahasan kerana masih wujud golongan-golongan sarjana yang masih berpegang kepada konsep migrasi penduduk cuba menunjukkan perkaitan di antara penyibaran bahasa dengan penyibaran budaya di Asia Tenggara. Justeru itu dalam perbincangan, mereka cuba melihat hubungan di antara penyibaran budaya kapak berbahu dan kapak empat segi dengan penyibaran bahasa di Asia Tenggara. Dalam hal ini, pada tahun 1932 Heine-Geldern<sup>17</sup> telah menghubungkaitkan kapak-kapak berbahu dengan kebudayaan Mon-Kemboja yang terdapat di tanah besar Asia Tenggara. Sehubungan dengan itu menganggap bahawa orang-orang Neolitik yang mengembangkan budaya kapak berbahu itu juga terlibat dengan penyibaran bahasa Austronesia. Maka pergerakan kebudayaan dari satu-satu pusat penyibaran adalah hasil daripada penyibaran kelompok-kelompok ethno-lingistik itu.

Pendapat Heine Geldern ini dengan sedikit penyesuaian atau pindaan dijadikan sebagai fakta sejarah. Hal ini boleh dilihat dalam buku-buku sejarah Semenanjung Malaysia. Sebagai contoh, Rupert Emerson (1937) dalam bukunya *Malaysia A Study in Direct and Indirect Rule* apabila memperkatakan tentang asal usul bangsa Melayu yang memberi nama kepada negeri ini melihatnya sebagai satu misteri antropologi yang tidak dapat diselesaikan. Beliau menjelaskan.

Tetapi terdapat beberapa bukti untuk menyokong pendapat iaitu orang-orang Melayu dihalau ke Selatan kerana tekanan daripada suku kaum China dan menetap di bahagian paling ke selatan benua Asia, kemungkinannya di waktu Semenanjung bersambung dengan Sumatra, Jawa dan Borneo. Juga orang-orang Melayu bukanlah penduduk Semenanjung yang terawal kerana ada kesan peringgalan orang-orang yang lebih primitif yang telah diusir ke dalam hutan dan gunung ganang oleh orang-orang Melayu yang memiliki budaya dan otoriti kuasa yang lebih tinggi.<sup>18</sup>

Pandangan yang hampir sama dapat dilihat dalam tulisan Paul Wheatley (1961) dengan kata-kata beliau bahawa serangan pertama terhadap tanah hutan, walaupun terhad, telah dibuat dengan ketibaan peladang pertama ke Semenanjung iaitu nenek moyang kepada orang Melayu dan Indonesia yang masuk dari utara antara tahun 2500 ke 1500 s.m.<sup>19</sup> Walaupun hasil tanaman mereka diketahui secara andaian tetapi jelas mereka bercucuk tanam di tanah lembah pedalaman Semenanjung.

Walaupun Van Heekeren (1957)<sup>20</sup> pernah memberi amaran iaitu kita tidak seharusnya menghubungkaitkan penyibaran budaya atau migrasi dengan penyibaran bahasa tetapi masih ada sarjana-sarjana yang tidak peka dengan amaran itu. Ini adalah kerana mereka melihat bahawa taburan kebudayaan kapak batu empat segi adalah sama dengan taburan penduduk yang menggunakan bahasa Austronesia. Amaran yang sama juga diketengahkan oleh G. Benjamin<sup>21</sup> dalam tahun 1988 iaitu “Languages are not populations” Tetapi amaran itu tinggal amaran sahaja kerana kepada mereka yang berpegang kepada teori migrasi, pandangan itu mungkin tidak menyakinkan mereka.

Peter Bellwood,<sup>22</sup> umpamanya, telah menolak pendapat Heine Geldern tetapi tidak menyangkal tentang kemungkinan berlakunya perpindahan orang-orang Austronesia ke Semenanjung Malaysia iaitu mereka datang dari arah selatan. Beliau tidak dapat menerima pendapat yang mengatakan penyibaran penduduk dari kawasan lain di zaman prasejarah ke Semenanjung Malaysia begitu kecil. Katanya mungkin orang-orang Semang yang berjumlah lebih kurang 20,000 itu adalah pribumi yang pertama sejak 20,000 tahun itu tetapi

pendapat yang sama tidak dapat digunakan sepenuhnya kepada orang-orang Senoi dan orang-orang “Malayic” yang berasal usul daripada orang-orang Austronesia. Pandangan Peter Bellwood itu berbeza dengan pandangan G. Benjamin (1988)<sup>23</sup> dan Terry Rambo (1988).<sup>24</sup> Benjamin dan Rambo lebih bersetuju dengan pendapat bahawa perkembangan budaya dan biologikal penduduk pribumi adalah hasil daripada apa yang berlaku di Semenanjung Malaysia sendiri. G. Benjamin umpamanya telah menunjukkan bagaimana cara hidup masyarakat pribumi itu berkembang melalui apa yang dikatakan sebagai “through processes of mutual assimilation or dissimilation” yang mengakibatkan kepada,

looking in to different socio-economic modes as expressed in marriage and avoidance relationships and in dialect patterning in languages.<sup>25</sup>

Perkembangan *sui generis* yang dilihat oleh Benjamin dan Rambo itu selari dengan pendapat yang pernah diutarakan oleh F.L. Dunn<sup>26</sup> berdasarkan kepada faktor ekologi dan arkeologi. Satu pendekatan yang pada pandangan saya agak berkesan dalam menilai prasejarah Malaysia atau Asia Tenggara. Beliau pernah menggunakan pendekatan perubahan paras laut akibat daripada perubahan suhu dunia dalam menggaris perubahan-perubahan yang berlaku dalam prasejarah Asia Tenggara dan sekaligus menyentuh prasejarah Malaysia. Asia Tenggara dilihatnya sebagai satu unit di zaman Pleistosen dan unit yang besar itu berpecah-pecah di zaman kenaikan air laut yang mengakibatkan pentas Sunda dan Sahul tenggelam lebih kurang 11,000 tahun dahulu. Dari satu budaya dan kelompok etnik yang sama di zaman Paleolitik berpecah-pecah kepada unit budaya dan kelompok manusia yang lebih kecil dan penyesuaian kepada alam sekitar yang baharu. Corak hidup masyarakat sehingga berlaku “effective seafaring” adalah konservatif. Setiap kelompok cuba menyesuaikan diri dengan alam sekitarnya. Justeru itu setiap kelompok kebudayaan adalah lahir daripada pemikiran masyarakat dalam menghadapi cabaran hidup dan alam sekitar. Keadaan masyarakat dan kebudayaan khususnya yang tinggal di kawasan persisiran mengalami lebih banyak perubahan. Kepada penganut teori migrasi, perubahan-perubahan itu dibawa oleh pendatang baharu, tetapi kemungkinan juga perubahan itu berlaku melalui perpindahan ide melalui “effective seafaring” dan perdagangan

Pengkaji-pengkaji prasejarah Malaysia peka dengan pendekatan itu. Oleh itu lahirlah pula ide-ide tentang bentuk perdagangan di zaman prasejarah itu yang menjadi asas kepada pertumbuhan negeri-negeri awal bermula dari abad pertama Masihi. Bentuk perdagangan di zaman prasejarah dan protosejarah telah diteorikan oleh F.L.

Dunn, Bennet Bronson dan beberapa orang sarjana lain.<sup>27</sup> Serentak dengan itu lahirlah beberapa konsep dalam memperkatakan soal perdagangan di zaman prasejarah dan proto sejarah seperti “*primary traders*”, “*secondary traders*”, “*tertiary traders*”, “*feeder points*”, “*upstream*” dan “*downstream*” dalam perbendaharaan kata ahli-ahli arkeologi.

Kalau kita bersaksikan kepada hakikat sejarah sejak zaman Melaka dan dilihat ke belakang maka pendekatan Dunn dan sarjana-sarjana lain yang cuba melihat perubahan melalui proses-proses yang berlaku dalam masyarakat dan dengan tidak menghadkan proses-proses itu kepada konsep migrasi dan penaklukan sahaja maka kita akan berhadapan dengan fakta yang lebih meyakin. Data-data arkeologi yang terbaharu seperti apa yang diperolehi di Kuala Selinsing, Perak memberi satu gambaran yang unik iaitu walaupun masyarakat di situ hidup sezaman dengan masyarakat yang mengamal agama Buddha di Lembah Bujang, namun mereka mengamal cara hidup yang agak maju tetapi tanpa menganuti agama dari India. Hal ini meyakinkan kita perubahan-perubahan yang berlaku bukan kerana paksaan seperti penaklukan atau kerana perpindahan masyarakat yang besar tetapi kerana pilihan dan bukti dari Kuala Selinsing itu menunjukkan asal-usul penduduk di situ tidak mungkin dari India. Kalau begitu halnya di zaman protosejarah sudah pasti keadaan yang sama dapat diandai berlaku di zaman prasejarah. Perubahan-perubahan yang besar biasa berlaku di kalangan masyarakat yang tinggal di kawasan pesisir bukan kerana migrasi atau penaklukan tetapi kerana ianya senang berinteraksi dengan masyarakat luar. Justeru itu perubahan-perubahan yang berlaku kepada masyarakat prasejarah dan protosejarah adalah melalui proses-proses yang berlaku dalam masyarakat itu sendiri dalam mereka berinteraksi dengan alamnya dan dibantu pula oleh kelahiran “*effective seafaring*” yang membawa kepada perdagangan antara kawasan dan pengaliran ide, bahasa dan budaya.

Pandangan yang memberatkan kepada perkembangan *sui generis* itu tidak bermakna yang migrasi penduduk itu tidak berlaku langsung dalam perkembangan sejarah kependudukan masyarakat pribumi Semenanjung Malaysia. Di zaman sejarah umpamanya, migrasi penduduk dari kepulauan Melayu (Jawa, Sumatra dan lain-lain) ke Semenanjung Malaysia memang terbukti tetapi bilangannya tidak besar. Tetapi migrasi penduduk di zaman prasejarah dan protosejarah mungkin tidak dapat dibuktikan dengan bukti yang kukuh.

Antara fakta yang digunakan oleh Peter Bellwood untuk mewujudkan bukti wujudnya migrasi di zaman prasejarah ialah isu

hubungan di antara masyarakat “Hoabinh” dan masyarakat Neolitik. Berdasarkan kepada data arkeologi, khususnya data stratigrafi dari Gua Cha,<sup>28</sup> Kota Tongkat<sup>29</sup> dan Gua Kechil.<sup>30</sup> Bellwood tidak dapat menerima bahawa wujud bukti yang konkret tentang kesinambungan dari kebudayaan “Hoabinh” kepada Neolitik dengan menegaskan iaitu tapak arkeologi Gua Kecil sebagai “insufficient evidence on which to base a claim that the Malayan Hoabinh evolved in site into an agricultural Neolithic economy”.<sup>29</sup> Soalnya sejauh manakah pendapat itu benar?

Untuk mengesahkan dengan lebih tegas lagi samada wujud atau tidak kesinambungan antara kebudayaan “Hoabinh” dan Neolitik itu maka haruslah kajian secara mikro dijalankan. Setiap jumpaan dari setiap tapak Neolitik itu dikaji secara mikro dan dibanding-bandingkan. Pemerhatian stratigrafi yang dilakukan setakat ini hanya berjaya menunjukkan ciri utama kebudayaan Neolitik tetapi tidak memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan-perkembangan utama seperti kronologi di dalam zaman Neolitik di setiap tapak Neolitik di Semenanjung.<sup>30</sup> Kajian itu tidak seharusnya dihadkan kepada tapak-tapak Neolitik di gua-gua sahaja tetapi mestilah merangkumi tapak-tapak arkeologi di kawasan terbuka seperti tapak arkeologi Jenderam Hilir, Guar Kepah<sup>31</sup> dan di tempat-tempat lain lagi di Semenanjung Malaysia.

Memang tepat pendapat yang mengatakan tapak-tapak arkeologi Neolitik di utara Semenanjung Malaysia menerima pengaruh kebudayaan dari utara iaitu negeri Thai. Artifek-artifek yang dijumpai di Gua Cha, di Gol Bait dan beberapa tempat lain, khususnya artifek-artifek tembikar dan bahan-bahan perhiasan seperti gelang batu, ada pengaruh dari utara. Ini mungkin kerana kebudayaan serta alam sekitarnya membolehkan hal itu berlaku. Juga dialek bahasa Austro-Asiatik yang dituturkan oleh orang-orang Asli di utara Malaysia itu menegaskan hubungan itu. Tetapi sebaliknya masyarakat pesisiran di utara lebih banyak menerima unsur-unsur bahasa Austronesia walaupun pada asasnya Orang Asli dan Orang Melayu Utara itu daripada satu rumpun. Bagaimanakah keadaan itu boleh wujud? Mungkin faktor hubungan dengan masyarakat luar di zaman Neolitik akhir dan di zaman gangsa mempunyai peranan. Dengan itu masyarakat di pesisiran iaitu orang Melayu hari ini lebih terbuka kepada perubahan melalui perdagangan yang mengakibatkan wujud dua kelompok masyarakat. Satu yang menerima perubahan kerana kebudayaan yang terbuka kepada pengaruh luar melalui penerimaan ide-ide baharu dan yang satu lagi masih tebal dengan dialek dan cara hidup yang lama. Oleh itu wujudlah dua masyarakat iaitu orang Asli dan orang Melayu. tetapi kedua-

duanya berpunca daripada satu baka. Pertanian dan perdagangan merupakan dua aktiviti yang berkembang kerana penyesuaian kepada perubahan-perubahan yang dilalui akibat daripada interaksi di kalangan masyarakat Asia Tenggara di tahap akhir zaman Neolitik dan bukan kerana migrasi yang digambarkan oleh sesetengah sarjana. Justeru itu konsep pembentukan masyarakat Pribumi Semenanjung Malaysia tidak harus lagi menggunakan teori “kuih lapis” iaitu kedatangan Orang Melayu secara gelombang dan dengan sendirinya ungkapan Proto Melayu dan Deutero-Melayu dari buku-buku sejarah harus dipadamkan. Kesemua penduduk asal Semenanjung Malaysia ini terdiri dari orang-orang Melayu iaitu satu yang bukan beragama Islam yang majoriti adalah orang Asli dan satu lagi yang beragama Islam iaitu Melayu.

## NOTA KAKI

<sup>1</sup>W.W Skeat and C.O. Blagden, 1906, *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Two volumes. London: Frank Cass and Co. Ltd. (1966 reprint)

<sup>2</sup>F.E. Sarasin, *Reisen in Celebes*, 1905. cf. D.G.E. Hall, *History of Southeast Asia*, MacMillan, London, 1956, 7.

<sup>3</sup>Peter Bellwood, 1989, “Cultural and Biological Differentiation in Peninsular Malaysia: The Last 1000 Years”, Seminar Antarabangsa Tamadun Melayu II, Kuala Lumpur, 4.

<sup>4</sup>G. Benjamin 1988; “Ethnohistorical Perspectives on Kelantan’s Prehistory” dalam (ed.) Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*, 113.

<sup>5</sup>*Ibid.*, III.

<sup>6</sup>J.C. Trevor and D.R. Brothwell, 1962, “The Human remains of Mesolithic and Neolithic Date from Gua Cha, Kelantan,” *Federation Museum Journal*, 7:6-22. Mereka telah mengkaji jumpaan daripada Gua Cha, Kelantan oleh J.G. de Sieveking dan Isteri yang disimpan di Laboratory Duckworth, London. Pada pendapat mereka, “it is impossible to maintain on the present evidence that any appreciable divergence in physical type exists between the Gua Cha rock shelter in Mesolithic and Neolithic times”. Asal usul orang-orang Negrito, mengikut W.G. Solheim 11, 1980, “Searching for the origins of Orang Asli,” *FMS*, 25: 61-75 mencadangkan Semang, Negrito adalah pemilik bukit-bukit kulit kerang dan nenek moyang orang Senoi menghuni gua. Sementara A.J. Rambo, 1988, “Why are Semang?” In *Ethnic diversity and the control of natural resources in Southeast Asia* (eds. A.T. Rambo, K. Killoughy and K.L. Hutterer) 1935, mengatakan nenek moyang kedua-dua kumpulan hidup di tepi pantai zaman Hoabinh dan berpindah ke pedalaman apabila muncul pertanian. Jadi Orang Asli berasal daripada Hoabinh. (Table 2:1) Kenapa mereka berbeza. Rambo fikir kerana alam sekitar. Bellwood, (1985: 89-98) “Skeletal date from Malayan Hoabinhan sites point to an ultimate Australo-Malanesian rather than Mongoloid affinity”. Mungkin “Hoabinh” nenek moyang Negrito moden (p.15). Melihat Negrito (Semang orang utara equator dan Senoi orang selatan). Negrito berevolusi dari “Hoabinh” dan sesetengah Senoi tetapi kemudian dipengaruhi oleh orang Mongoloid yang membawa pertanian dari selatan.

Perbezaan antara orang Semang dan Senoi bukan setakat akibat perubahan dalaman tetapi faktor luaran. (16). G. Benjamin, 1976. "Austroasiatics subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula". Dalam *Austroasiatic Studies* (eds. P. Jenner, L. Thompson and S. Starosta), Honolulu: University of Hawai, 37-128; K. Endicott, 1975. Brief report on the Semang, Beri of Pahang. *FMS*, 20: 1-23; T. Jacob, 1967. *Some problems pertaining to the racial history of the Indonesian Region*, Utrecht. P.S. Bellwood, 1985. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. Sydney: Academic; C.F.W. Higham, 1988. *The Archaeology of Mainland Southeast Asia*, Cambridge, University Press; J. Lowenstein 1956, "The Origin of the Malayan Metal Age" *IMBRAS* 29 (2):5-78, F.L. Dunn Monograph. 5; G. Diffloth, 1979. "Aslian Languages and Southern Asian prehistory", *FMS*, 24: 3-16; L.A. Reid, 1987. The Early Swith Hypothesis: Linguistic evidence for contact between Negritos and Austronesians, *Man and culture in Oceania*, 3:41-59; B. Nothefer, 1975, *The reconstruction of proto-Malayo-Javanie*. The Hague: Nijhoff. Diffloth membahagikan bahasa Asli kepada "Austroasiatie" (Mon-Khmer) dan bahasa Malayio (Austronesia). Benjamin membahagikan kepada Bahasa Asli Utara, Selatan dan Tengah.

<sup>7</sup> Antara tulisan Heine-Geldern itu ialah "Prehistoric Research in the Netherlands Indies", in *Science and Scientists in the Netherland Indies*, (eds.) Honig and F. Verdoorn, New York, 1945. Heine-Geldern dan pengikutnya daripada negeri German dan Austria berpegang kepada falsafah *Kulterkrels*.

<sup>8</sup> Antara pendokong pendapat ini ialah G. Benjamin, 1988, "Ethnohistorical Perspectives on Kelantan's Prehistory" dalam *Kelantan Zaman Awal* (ed.) Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, Kelantan, 108-153; A.T. Rambo, 1988, Why are the Semang? In *Ethnic diversity and the contract of natural resources in Southeast Asia* (eds.) A.T. Rambo. K. Gillogly and K.L. Hutterer. 19-35. F.L. Dunn, 1975, "Rain Forest Collectors..."

<sup>9</sup> Hal ini pernah dikatakan oleh Kenneth R. Hall 1985, *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, Honolulu: University Hawai press, XI seperti berikut "Early scholarship on Southeast Asian History in the West was the product of well trained Dutch, French and British historians whose research was an extension of their countries' colonial experience."

<sup>10</sup> Lihat perbincangan oleh Peter Bellwood, "Cultural and Biological Differentiation in Peninsular Malaysia: The last 10,000 YEARS," Kertaskerja Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu ke II, Kuala Lumpur 15-20 Ogos, 1989, 32.

<sup>11</sup> Peter Bellwood, *The Prehistory of the Indo-Malaysian...* 110.

<sup>12</sup> D.C. Dal., 1973, *Proto-Austronesian*, Scandinavian Institute of Asian Studies, Monograph 15, 1973; A.K. Pawley 1974, "Austronesian Languages" *Encyclopedia Britannica*, 15th. Edition, Macropaedia 2: 484-94.

<sup>13</sup> Peter Bellwood, 1989, "Cultural and Biological Differentiation...", 32.

<sup>14</sup> Peter Bellwood, *The Prehistory of the Indo-Malaysian...*, 103.

<sup>15</sup> Antara penganut utama ide itu ialah H.G. Quaritch-Wales, 1935, Indian Cultural Expansions" *Indian Arts and Letters*, LX, 1-35.

<sup>16</sup> Diakui bahawa pengaruh India wujud dalam upacara perayaan, adat-istiadat, agama dan bahasa Sanskit tetapi bukti arkeologi menunjukkan pengaruh itu diambil secara pilihan terutama dalam hal seni agama seperti arca dan senibina. Lihat D.G.E. Hall, *History of Southeast Asia*, dan kajian-kajian lain tentang zaman pengaruh India di Asia Tenggara.

<sup>17</sup> Heine-Geldern, 1945, "Prehistoric Research in..."

<sup>18</sup>R. Emerson, 1937, *Malaysia a study...*, 12.

<sup>19</sup>Paul Wheatley, 1961, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, XXX.

<sup>20</sup>Van Heekeren, The Stone Age In Indonesia, *Verhendelingen...*, Deel XXI, S-Gravenege-Martinus Nijhoff., 1957.

<sup>21</sup>G. Benjamin, 1988. "Ethnohistorical Perspectives..." 110.

<sup>22</sup>Peter Bellwood, Cultural and Biological Differentiation ...", 33.

<sup>23</sup>G. Benjamin, 1988, Ethnohistorical Perspectives ...".

<sup>24</sup>T. Rambo, 1988, "Why are the Semang?..."

<sup>25</sup>G. Benjamin, 1986. Between insthmus and islands: reflections on Malayan Palaeo-sociology. National University of Singapore, Dept. of Sociology Working Paper no. 71, 5.

<sup>26</sup>F.L. Dunn, 1970, Cultural evolution in the late Pleistocene and Holocene of Southeast Asia. *American Anthropologist*, 72: 1041-1054.

<sup>27</sup>F.L. Dunn, 1975, *Rain Forest Collectors and Traders*; Bennet Bronson, 1977, "Exchanges at the Upstream and Downstream ends: Notes towards a functional model of the coastal state in Southeast Asia" In *Economic Exchange and Social interaction in Southeast Asia: Perspectives from Prehistory History and Ethnography* (ed.) Karl L. Hutterer, Michigan Papers 13, 39-54.

<sup>28</sup>Maklumat tentang galicari di Gua Cha dapat dilihat dalam G. de Sieveking, 1954: Excavations at Gua Cha, Kelantan, Part 1, *FMS* 1 & 2: 75-143; Adi Hj. Taha, 1985. "The re-excavation of the rockshelter of Gua Cha, Ulu Kelantan, West Malaysia. "FMS, 30 (n.s.).

<sup>29</sup>Lihat B.A.V. Peacock, 1971. "Early Cultural Development in South-East Asia with special reference to the Malay Peninsula," *Archaeology and Physical Anthropology in Oceania* 6: 107-23.

<sup>30</sup>F.L. Dunn, 1964, "Excavations at Gua Kecil, Pahang," *JMBRAS* 37/2:87-124

<sup>31</sup>P. Bellwood, 1989. "Cultural and Biological Differentiation..." II.

<sup>32</sup>Penilaian terhadap perkembangan dalaman di zaman Neolitik berdasarkan penemuan tembikar dan stratigrafi di Gua Cha Kelantan telah dibuat oleh B.A.V. Peacock, 1959; A Short description of Malayan Prehistoric Pottery, *Asian perspectives*, 3: 121-136. Tetapi Peacock telah menemui jalan buntu. Ini adalah kerana Sieveking telah membahagikan zaman Neolitik kepada "primitif" dan "maju" (*advanced*) tetapi pemerhatian stratigrafi merubuhkan masalah kerana yang maju itu terdapat lebih ke bawah dari yang "primitif". Selagi isu stratigrafi ini tidak dapat diatasi maka selagi itu belum lengkap dan harus diberi perhatian semula dalam kajian-kajian di masa hadapan.

<sup>33</sup>Untuk tapak Guar Kepah, lihat, F.L. Dunn, 1975, *Rain Forest Collectors*

...